

MIC sokong sepenuhnya kepemimpinan Dr Mahathir

PETALING JAYA, Ahad — Kongres India Malaysia (MIC) hari ini membuat ketetapan memberi sokongan sepenuhnya kepada kepemimpinan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, untuk mewujudkan masyarakat Malaysia yang dinamik, progresif, moden dan produktif di bawah kerajaan Barisan Nasional.

Parti itu juga menyambut baik jaminan bahawa Umno akan menjamin kepentingan, hak dan aspirasi semua masyarakat Malaysia dalam melaksanakan dasar kerajaan, terutama rancangan kebudayaan, pelajaran dan Dasar Ekonomi Baru (DEB).

Dua ketetapan itu diambil dalam Perhimpunan Agung MIC di sini, hari ini.

Presiden Kebangsaan MIC, Datuk Samy Vellu, berkata, partinya akan memberikan sokongan sepenuhnya kepada kepemimpinan Perdana Menteri untuk melaksanakan setiap rancangan yang telah ditetapkan.

Bertutur

Di samping itu, beliau berkata, "MIC telah mengubah sikap supaya tidak hanya bergantung kepada kerajaan, tetapi ahli-ahlinya sendiri berusaha untuk menjayakan pembangunan negara."

Datuk Samy Vellu berkata, partinya memberikan sokongan sepenuhnya kepada parti-parti komponen Barisan Nasional untuk mewujudkan satu masyarakat Malaysia yang boleh hidup dalam keadaan aman.

Beliau juga menyeru setiap ahli MIC supaya menghapuskan perasaan rendah diri yang wujud di kalangan mereka dan jangan gusar dengan masa depan mereka.

"Sejak MIC ditubuhkan 35 tahun lalu, parti ini telah memperjuangkan nasib masyarakat India di

negara dan ahli-ahlinya janganlah risau dengan masa depan mereka.

"Tidak ada kumpulan yang boleh mengaku bahawa mereka telah memperjuangkan nasib kaum India kerana ahli sendiri tahu siapakah yang sebenarnya yang telah berjuang," jelasnya.

Presiden MIC itu juga menerangkan, partinya telah mengambil dasar yang tegas untuk memastikan setiap pemimpinnya di masa depan boleh bertutur dengan lancar dalam bahasa Malaysia.

"Setiap Ahli Parlimen dan Ahli Undangan Negeri seharusnya boleh bertutur dengan lancar dalam bahasa Malaysia kerana dengan berbuat demikian fungsi mereka akan berjalan dengan baik," jelasnya.

Setakat ini, MIC telah menjalankan beberapa kelas bahasa Malaysia

kepada ahli-ahlinya, katanya.

Menjawab soalan mengenai nasib pekerja-pekerja di Selanhar Empat, Datuk Samy berkata, kerajaan telah menempatkan pekerja-pekerja itu di kawasan seluas 4 hektar di Felda Selanhar Dua di Pahang.

"Pekerja-pekerja ini telah berpindah ke situ minggu pertama bulan Disember lalu," katanya.

Beliau juga menjelaskan, partinya memperjuangkan nasib pekerja-pekerja di Estet Damansara di mana tanah di kawasan itu diambil oleh sebuah syarikat untuk melaksanakan projeknya.

"MIC melalui Biro Buruh akan memastikan nasib pekerja-pekerja itu di kaji seperti menempatkan mereka di kawasan-kawasan yang ada pekerjaan," katanya.

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia